

08 DEC 1998

MALAYSIA DIKELUAR DARI SENARAI NEGARA PENGELUAR DADAH

Oleh: Salmly Hashim

WASHINGTON, 8 Dis (Bernama) -- Presiden Bill Clinton pada Isnin telah mengeluarkan Malaysia dan Iran daripada senarai negara-negara pengeluar dadah.

Dalam surat kepada Kongres, Clinton berkata: "Tahun ini, Saya telah mengeluarkan Iran dan Malaysia daripada senarai negara-negara utama pengeluar dadah.

"Walaupun kedudukan Malaysia daripada segi geografi menjadikannya laluan persinggahan yang strategik bagi heroin ke Amerika Syarikat seperti pada masa-masa lalu, tiada tanda menunjukkan bahawa dadah yang sebahagiannya untuk ke Amerika Syarikat telah melalui negara itu sebagai tempat persinggahan sejak beberapa tahun lalu."

Surat dari White House mungkin buat sementara meredakan kekecohan hubungan antara kedua-dua negara berikutan kenyataan kontroversi Naib Presiden Amerika Al Gore dan gesaan pedagang mata wang George Soros supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan.

Pada mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur bulan lalu, Gore menyatakan sokongan kepada pergerakan Reformasi di Malaysia sementara Soros juga menggesa bagi pembebasan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini dibicarakan atas tuduhan rasuah.

Negara yang masih dalam senarai pengeluar dadah atau laluan persinggahan dadah ialah Afghanistan, Bahamas, Bolivia, Brazil, Myanmar, Kemboja, China, Colombia, Ecuador, Haiti, Hong Kong, India, Laos, Mexico, Nigeria, Pakistan, Panama, Paraguay, Peru, Taiwan, Thailand, Venezuela, dan Vietnam.

-- BERNAMA

SH rn FAZ